

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/08/2007

Hubungan Malaysia – Asia Barat makin kukuh

Oleh HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 29 Ogos – Keyakinan syarikat-syarikat dari Asia Barat untuk membuat pelaburan awal sebanyak RM4.1 bilion di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) mampu mengukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan negara-negara di rantau itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pihaknya percaya para pelabur itu mempunyai sumber dan kepakaran dalam memastikan pembangunan WPI mencapai taraf dunia sebagaimana mereka melakukan perubahan besar pada landskap Abu Dhabi dan Dubai.

“Saya percaya kita berada di satu peringkat akhir dalam meningkatkan hubungan dua hala dengan UAE kepada satu tahap yang lebih tinggi.

“Pada sudut makro, adalah jelas hubungan tersebut sangat baik di peringkat kerajaan dengan kerajaan iaitu membabitkan perdagangan dan pelancongan.

“Saya juga ingin maklumkan bahawa entiti korporat juga sedang merapatkan kerjasama di kalangan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Putrajaya Perdana Berhad (PPB) dengan Aldar Properties PJSC (Aldar) di sini, hari ini.

Najib turut menyaksikan majlis menandatangani surat hasrat (LOI) antara Aldar dengan Kuwait Finance House (M) Berhad (KFH) dan Mubadala Development Company.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pelancongan Abu Dhabi, Sheikh Sultan Tah-



NAJIB Tun Razak dan Sheikh Sultan Tahnoon Al-Nahyan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Harry Menon (kiri) dan Khaldoon Khalida Al-Mubarak di Putrajaya, semalam.

noon Al-Nahyan; Ketua Pengawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Mubadala Development Company, Khaldoon Khalida Al-Mubarak; Pengerusi Aldar, Ahmed Ali Al-Sayegh; Pengerusi PPB, Harry Menon dan Pengarah Urusan KFH, Khawaja Mohammad Salman Younis.

Aldar yang merupakan pengurus pembangunan induk atau Node 1 WPI akan

menggunakan kepakaran PPB dalam proses pembangunan, perancangan dan pembinaan membabitkan kawasan seluas 981.2 hektar atau 97 juta kaki persegi.

Aldar merupakan syarikat yang dimiliki oleh institusi di Abu Dhabi termasuk Mubadala dan Abu Dhabi Investment Company serta mempunyai jaringan yang besar di rantau Asia Barat.

PPB pula adalah syarikat perancang induk pembangunan Putrajaya.

Syarikat hartanah tersebut mempunyai profil bertaraf dunia dan terlibat dalam banyak projek mega antaranya pembangunan enklaf di Saadiyat dan Pulau Yas.

Selain itu, Najib berkata, jumlah pelancong Arab terutama dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) dijangka terus meningkat pada masa depan apabila Tourism Malaysia meningkatkan aktiviti promosi.

“Kedatangan pelancong dari UAE ke negara ini turut menggalakkan apabila sejumlah 186,821 pelancong dari Asia Barat yang datang ke negara ini tahun lalu, 35,000 orang merupakan pelancong UAE.

“Kita juga berusaha memperkenalkan lebih banyak produk pelancongan di koridor pertumbuhan baru membabitkan WPI dan Koridor Utara,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, perancangan bagi PPB untuk bekerjasama rapat dengan Aldar dalam pembangunan Node 1 WPI turut boleh diikuti oleh syarikat-syarikat lain dengan mengambil inisiatif mencari rakan-rakan kerjasama yang lain di Asia Barat.

Tambahnya, kerjasama antara PPB dan Aldar boleh menjangkau lebih jauh dan tidak setakat WPI.

“Saya harap syarikat-syarikat tempatan lain dapat mengambil inisiatif bagi bekerjasama dengan rakan-rakan dari UAE.

“Saya percaya banyak peluang yang boleh diperoleh oleh syarikat dan firma dari kedua-dua negara untuk membentuk pasukan usaha sama untuk melabur ke negara-negara ketiga dalam masa terdekat,” katanya.

UM - 30/8/2007